



1. JAWATAN	: SERANG TINGKAT I
KEMENTERIAN/JABATAN	: JABATAN LAUT
	KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BAHAGIAN	: IV
TANGGAGAJI	: D.4-5 EB.6 (\$1,225 - \$1,785 SEBULAN)
KEKOSONGAN	: SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

- a) i) Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 7 atau sebanding dan sedang berkhidmat sebagai Serang Tingkat II dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 3 tahun.
- ATAU**
- ii) Mempunyai Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 8 atau sebanding dan sedang berkhidmat sebagai Serang Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.3 tidak kurang dari 5 tahun.
- b) Berkebolehan di dalam mengendalikan kapal-kapal di bawah 500 tan muatan kasar dan mempunyai pengetahuan yang baik tentang perairan-perairan yang boleh dilayari dan makna tanda-tanda pelayaran.
- c) Mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan boleh mengurus dan mengawas kakitangan di bawah jagaannya dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.
- d) Boleh menyediakan laporan-laporan dengan baik seperti kerosakan, pesanan dan kakitangan kapal.
- e) Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



LAIN-LAIN SYARAT

- a) Sebelum ditawarkan jawatan sebagai Serang Tingkat I, calon-calon mestilah lulus ujian kesihatan dan ujian penglihatan.
- b) Selepas menjalani satu tempoh perkhidmatan yang dikehendaki, Serang Tingkat I yang layak akan diarahkan untuk mengikuti kursus latihan bagi membolehkan mereka menduduki peperiksaan untuk mendapatkan Sijil Kecekapan Pegawai Laut Kelas 6.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SERANG TINGKAT I:

1. Selaku ketua kapal yang sebanding dengan kelayakan.
2. Membantu tugas-tugas Serang Tingkat Khas.